

29 MAY 2000

KAKAK PERDANA MENTERI SELAMAT JALANI PEMBEDAHAN

ALOR SETAR, 29 Mei (Bernama) -- Kakak Perdana Menteri Habsah Mohamad yang dimasukkan ke Pusat Pakar Utara (PPU) semalam kerana patah di bahagian atas lutut kirinya, selamat menjalani pembedahan di hospital itu hari ini.

Kakak Datuk Seri Dr Mahathir itu dimasukkan ke bilik pembedahan kira-kira pukul 10.30 pagi dan pembedahan dilakukan oleh Pakar Ortopedik Dr Sarwan Singh.

Menurut anaknya, Kalthum Abdul Ghani, ibunya dinasihatkan terus berada di PPU untuk beberapa minggu lagi.

Katanya Habsah, 83, mengalami kecederaan itu selepas terjatuh ketika mengambil wuduk di rumahnya di Taman Malek di sini pada pukul 1.30 tengah hari semalam dan dimasukkan ke PPU kira-kira pukul 2 petang untuk rawatan lanjut.

Isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali melawat kakak iparnya itu pagi ini dan berada di hospital berkenaan lebih tiga jam sehingga Habsah selesai menjalani pembedahan.

Turut menziarahi Habsah ialah anggota exco kerajaan negeri Datuk Dr Othman Ishak dan Fadzil Hanafi.

-- BERNAMA

MN RON